

Nama : _____

Kelas : 3 Za'ba / 3 Fathoni

BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Sultan Ahmad Shah gering. _____ sedang beradu di kamar diraja.

A Kalian

C Baginda

B Mereka

D Beliau

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2 Murid-murid diminta jangan berbuat _____ di perpustakaan.

A cepat

C bising

B senyap

D laju

3 _____ yang terletak di hujung kampung itu mengeluarkan hasil yang lumayan.

A Kebun

C Buah

B Pokok

D Tumbuhan

4 Fikiran Alif _____ apabila mengenangkan ibunya yang sakit di kampung.

A terganggu

C diganggu

B mengganggu

D ganggu

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 "Kamu mestilah berhati-hati semasa menuruni____," pesan Puan Kamilia.
A pentas
B ganggu
C tembok
D jambatan
- 6 Kapal terbang yang baru berlepas itu menuju _____ Sarawak.
A di
B pada
C ke
D dari
- 7 Kamal_____Keong gemar bermain badminton pada waktu lapang.
A lalu
B dan
C serta
D sambil
- 8 "Tolong berikan surat ini _____ ibu kamu," kata Cikgu Rosli.
A Ke
B Kepada
C pada
D daripada

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Ali bermain layang-layang di _____ pantai pada hujung minggu bersama keluarganya.
A tepi
B antara
C tengah
D atas
- 10 Sani memiliki se_____ motosikal berjenama kawasaki.
A helai
B buah
C batang
D buku

11 Damia memelihara tiga _____ kucing yang sangat comel.

A ekor

C buah

B butir

D bidang

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah



12 Siti menyapu sampah menggunakan se_____ penyapu.

A bilah

C batang

B biji

D ulas

13 Mastura rajin _____ Izzah malas.

A tetapi

C lalu

B atau

D sambil

14 Pemandu itu memandu dengan perlahan kerana jalan _____ selepas hujan.

A kesat

C kering

B licin

D kasar

15 Pokok rambutan di belakang rumah Zahir _____ dengan lebat.

A berbuah

C bercambah

B berputik

D bersusun

- 16 " _____ yang berminat untuk menyertai lawatan ke Legoland?"
tanya Cikgu Zainal.
- A Apakah
B Bilakah
C Siapakah
D Bagaimanakah
- 17 Ayam jantan _____ menandakan hari sudah hampir siang.
- A bersiul
B bernyanyi
C bersahut
D berkokok
- 18 Anak kucing yang _____ ke dalam longkang itu telah diselamatkan.
- A terjatuh
B tertiarap
C terduduk
D terbaring
- 19 Kereta itu _____ apabila lampu isyarat menunjukkan warna merah.
- A berhenti
B bergerak
C berbunyi
D berlagu
- 20 " _____, sakitnya kakiku!" jerit Salim apabila terpijak paku.
- A Aduh
B Wah
C Amboi
D Cis

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih kata sendi yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat di bawah.

1. Faridah lebih rajin dan bijak _____ (dari, daripada, kepada) abangnya.
2. Kapal terbang yang baru berlepas itu menuju _____ (di, ke, dari) Sarawak.
3. Majalah itu diterbitkan _____ (untuk, dari, kepada) bacaan kanak-kanak.
4. Adik menangis _____ (hingga, sejak, di) pagi tadi kerana demam dan kembung perut.

[8 markah]

Soalan 22

Bina ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang diberikan.

1. Zamani pergi ke perpustakaan. Kamarul pergi ke perpustakaan. (dan)

2. Abang menonton berita di kaca televisyen. Abang menunggu ibu selesai memasak. (sementara)

[4 markah]

Soalan 23

Tandakan (✓) pada ayat tanya di bawah.

1. Wah, cantiknya baju itu ! ()

2. Mengapakah Pak Mat tidak membuka kedai hari ini? ()
3. Siapakah yang menghantar awak ke sekolah? ()
4. Tolong jangan membuat bising. ()
5. Apakah warna beg kamu? ()

[5 markah]

Soalan 24

Isikan tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.

tetapi	sambil	dan
jika	kerana	lalu

1. Nenek saya sudah tua _____ masih kuat bekerja.
2. Bidin menutup pintu bilik _____ menguncinya.
3. Alex suka makan ketam _____ udang.
4. Suraya menangis _____ anak patungnya hilang.
5. Dewi menjaga adiknya _____ menonton televisyen.
6. _____ hari tidak hujan, mereka akan bermain bola sepak.

[6markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bapa membawa saya ke Dataran Merdeka untuk menyaksikan perarakan sempena Hari Kemerdekaan. Ramai orang telah berada di sana sejak awal pagi lagi. Sambutan Hari Kemerdekaan dimulakan dengan nyanyian lagu "Negaraku". Saya berdiri tegak sambil menyanyikan lagu "Negaraku".

Selepas itu, acara perarakan pun bermula. Peserta perarakan memberi tabik hormat kepada para pemimpin yang berdiri di atas pentas. Mereka turut membalas tabik hormat tersebut. Suasana sangat meriah. Orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyaksikan perarakan. Pertunjukan udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia sangat hebat. Saya amat kagum melihat mereka membuat persembahan payung terjun dan jet pejuang. Saya berharap dapat menyaksikan perarakan kemerdekaan pada tahun hadapan.

1. Di manakah penulis menyaksikan perarakan Hari Kemerdekaan ?

[1 markah]

2. Bilakah acara perarakan dimulakan?

[2 markah]

3. Bagaimanakah suasana pada hari itu?

[2 markah]

4. Apakah harapan penulis?

[2 markah]

Disediakan oleh,

.....

(ZURHISHAM BINTI ABU SEMAN)
HASSAN)

Disemak oleh,

.....

(MOHD ZAIN BIN